

Projek naik taraf Lebuhraya SDE capai 55 peratus

Pembesaran kepada empat lorong beri kesan positif sektor pelancongan di Desaru

Kota Tinggi: Projek menaik taraf Lebuhraya Senai-Desaru (SDE) kepada empat lorong berjalan lancar setakat ini dengan kemajuan 55 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada April 2027.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Dr Ahmad Maslan, berkata projek bernilai RM160 juta itu membabitkan tempoh pembinaan selama 30 bulan dan hingga kini tidak memerlukan sebarang lanjutan tempoh masa.

“Projek naik taraf ini membabitkan laluan sepanjang 9.34 kilometer (km) dari Jambatan Sungai Johor (KM49.3) hingga Sungai Semenchu (KM58.7) dan dijangka memberikan kesan positif kepada sektor pelancongan di Desaru.

“Desaru ialah pusat pelancongan terkenal di Johor, dengan kemudahan empat lorong ini, lebih ramai pelancong termasuk dari Singapura dijangka berkunjung ke kawasan itu,” katanya selepas Lawatan Kerja Projek Menaik Taraf SDE di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya ber-

harap laluan itu dapat disambung dari Sungai Semenchu sehingga penghujung lebuhraya pada masa depan.

Tingkat aliran trafik

“Kita berharap dari Sungai Semenchu itu akan ada sambungan. Mungkin akan ada berita baik kemudian dan biarlah menteri yang mengumumkannya,” katanya.

Mengulas mengenai pengurusan trafik sepanjang tempoh pembinaan, beliau berkata, Program Pengurusan Trafik (TMP) dilaksanakan efisien dan tidak menjejaskan aliran trafik sedia ada.

Ahmad berkata, projek naik taraf SDE adalah antara keutamaan Kementerian Kerja Raya di Johor, selain pembesaran Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) daripada empat kepada enam lorong

dari Senai Utara hingga Yong Peng Utara serta usaha menyelesaikan isu trafik di bandar raya Johor Bahru.

Beliau berkata, sebelum ini, SDE juga disenaraikan sebagai antara lebuhraya yang kurang menguntungkan, namun yakin projek naik taraf itu akan meningkatkan aliran trafik dan prestasi kewangan lebuhraya berkenaan pada masa depan. BERNAMA



Ahmad ketika Lawatan Kerja Projek Menaik Taraf SDE di Kota Tinggi, semalam.

(Foto BERNAMA)